

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM RESEARCH INSTITUTE for INDONESIA, THAILAND and SINGAPORE(ITS)
Sent: Wednesday, 5 April, 2017 12:40 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup; 'student@gsgsg.uum.edu.my'
(student@gsgsg.uum.edu.my)
Cc: Prof. Dr. Mohd Kamarulnizam Bin Abdullah; Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar
Subject: UUM-ITS COMMENTARY NO. 2/2017
Attachments: Commentary ITS 2017 (vol.2).pdf



UUM RESEARCH
INSTITUTE FOR INDONESIA,
THAILAND AND SINGAPORE

Universiti Utara Malaysia



5 APRIL 2017 / 8 REJAB 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

HUBUNGAN DUA HALA MALAYSIA DAN SINGAPURA BERPANDUKAN KONSEP “PROSPERITY NEIGHBOUR” DAN “WIN-WIN SITUATION”

Kedua-dua pemimpin Malaysia dan Singapura telah menunjukkan suatu bentuk kerjasama dan saling memahami antara satu sama lain berlandaskan prinsip memakmurkan jiran melalui aspek ekonomi bagi merealisasikan potensi mereka. Walaupun Malaysia dan Singapura masih mempunyai isu-isu yang tertangguh tetapi kedua-dua negara masih dapat kekal mesra dan akrab. Hubungan ini boleh dibuktikan melalui Teori Keamanan Demokratik di mana sesebuah negara yang mengamalkan prinsip demokrasi tidak akan berperang dengan negara demokrasi yang lain. Menurut teori ini lagi, negara demokrasi akan menahan diri daripada menggunakan kekerasan terhadap satu sama lain kerana mereka bertanggungjawab kepada rakyat. Dalam konteks hubungan Malaysia dan Singapura, kedua-dua negara tidak akan berperang kerana mereka merupakan negara yang mengamalkan demokrasi dan lebih suka untuk menyelesaikan isu-isu tertangguh sama ada melalui perundingan diplomasi atau penglibatan pihak ketiga.

Bagi meningkatkan hubungan dua hala Malaysia dan Singapura, pergantungan ekonomi (economic interdependence) sangat penting bagi kedua-dua negara dari segi proses pembangunan ekonomi mereka. Dengan kepentingan Singapura sebagai pusat perdagangan bagi kebanyakan negara rantau Asia Tenggara, khususnya Malaysia yang mempunyai banyak manfaat dari segi perdagangan dan perniagaan. Begitu juga, Singapura, disebabkan oleh sumber-sumber asli yang terhad, maka negara tersebut akan melihat ke arah Malaysia untuk keperluan ekonomi mereka. Hal ini termasuklah membuat pelaburan di Malaysia, mendapatkan sumber bekalan air, buruh dan sebagainya. Saling pergantungan ekonomi itu telah lama diiktiraf sebagai penting oleh kedua-dua negara, dan boleh dikatakan alasan bahawa perdagangan serta pelaburan antara mereka kekal penting untuk beberapa dekad kebelakangan ini. Jumlah perdagangan dua hala antara mereka telah meningkat dengan mendadak sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan pada masa ini, Singapura dan Malaysia merupakan rakan perdagangan yang terbesar di rantau Asia Tenggara.

Oleh itu, jelaslah bahawa pada era Datuk Seri Najib Tun Razak, Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif atau pendekatan bagi meningkatkan kerjasama ekonomi dengan Singapura. Antaranya termasuklah mengadakan kerjasama ekonomi antara syarikat swasta dari kedua-dua negara dan juga mengadakan kerjasama ekonomi antara syarikat berkaitan dengan kerajaan (Government-linked Companies) kedua-dua negara. Datuk Seri Najib dan rakan sejawatnya, Lee Hsein Loong juga telah bersetuju mengukuhkan kerjasama dua hala ekonomi dengan mengadakan kerjasama pelaburan di Iskandar Malaysia dan juga pelaburan di Singapura dalam memajukan tanah KTMB di negara tersebut. Hal ini secara tidak langsung akan memberikan keuntungan kepada kedua-dua negara.**Sambungan di Lampiran.**



Prof. Madya Dr. Rusdi
bin Omar
RESEARCH FELLOW
UUM-ITS.
rusdiomer@uum.edu.my

=====

UUM RESEARCH INSTITUTE FOR INDONESIA, THAILAND AND SINGAPORE (ITS)

UUM College of Law, Government & International Studies(COLGIS)

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

Tel: (604) 928 6586/6582

Fax: (604) 928 6602

research.its@uum.edu.my

director.its@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.